

K. P. U. 27.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974  
(Akta 133)

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (KEMUDAHAN-  
KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KENDERAAN BAGI PAWAGAM,  
PANGGUNG-PANGGUNG DAN BANGUNAN BESAR YANG LAIN)  
(MAJLIS DAERAH KULIM) 1989

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang Kecil

1. Nama, Pemakaian dan mula berkuatkuasa.
  2. Tafsiran.
  3. (1) Tempat letak kenderaan hendaklah disediakan:  
Tapak-tapak ganti untuk tempat letak kereta;  
Tapak untuk meletak motosikal dan basikal.
  - (2) (b) Pelan tataletak tempat letak kereta.
  - (3) Penempatan tempat letak kenderaan percuma tidak boleh dituntut.
  - (4) Tapak tempat letak kereta tidak boleh dihalang, dipinda dan didiri bangunan.
  - (5) (i) Pengecualian bagi bangunan persendirian;
  - (ii) Pengecualian bagi bangunan-bangunan Kerajaan,  
badan-badan kerajaan atau badan-badan berkanun.
4. Mewartakan kawasan.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.



## AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

## UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (KEMUDAHAN-KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KENDERAAN BAGI PAWAGAM, PANGGUNG-PANGGUNG DAN BANGUNAN BESAR YANG LAIN)

(MAJLIS DAERAH KULIM) 1989

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat Undang-undang Kecil seperti berikut: Atta 133

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan (Kemudahan-kemudahan Tempat Letak Kenderaan bagi Pawagam, Panggung-panggung dan Bangunan Besar yang Lain) Majlis Daerah Kulim, 1989** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kulim dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh disiarkan dalam *Warta Kerajaan*. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, kecuali kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Kulim;

“tempat letak kenderaan” ertinya tempat letak kereta, motosikal dan basikal dan lorong-lorong susurnya, tetapi tidak termasuk kandang lerengan (dock ramps), jalan masuk dan jalan ke bangunan dan tempat untuk memuat atau memunggah barang-barang.

3. (1) Suatu pelan untuk pembinaan, binaan semula atau pengubahsuaian bangunan yang ditetapkan di Ruang Pertama kepada Jadual Pertama tidak boleh kecuali dibuat peruntukan di dalam pelan-pelan pembinaan, binaan semula atau pengubahsuaian itu untuk tempat letak kenderaan bagi bangunan yang dicadangkan itu atau perkarangan bangunan itu. Jumlah tempat letak kenderaan yang akan diperuntukkan hendaklah tidak kurang dari jumlah yang ditetapkan di Ruang kedua kepada Jadual Pertama.

Dengan syarat bahawa Majlis boleh mengikut budi bicaranya, membenarkan tempat letak kenderaan di suatu tapak ganti lain yang berada dalam lengkongan 300 kaki daripada bangunan yang dicadangkan, dan Majlis boleh membenarkan pelan-pelan untuk pembinaan, binaan semula atau pengubahsuaian tersebut jika pemunya menyediakan tempat letak kenderaan pada tapak ganti tersebut.

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa kawasan-kawasan tambahan berasingan untuk tempat letak motosikal dan/atau basikal seluas sepuluh peratus dari jumlah petak-petak tempat letak kenderaan (termasuk lorong susur tetapi tidak termasuk jalan masuk) bolehlah dikehendaki diperuntukkan bagi tiap-tiap bangunan, tetapi Majlis boleh menurut budi bicaranya mengecualikan syarat ini bagi jenis-jenis bangunan tertentu dan menurut keadaan-keadaan yang difikirkan patut.

- (2)(a) Dalam menentukan jumlah petak letak kenderaan yang dikehendaki disediakan di bawah Undang-undang Kecil ini, Majlis boleh menimbang ukuran-ukuran minima petak-petak tempat letak kenderaan untuk kereta-kereta, lorong-lorong susur dan syarat-syarat lain yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.
- (b) Jika dikehendaki oleh Majlis, satu pelan tataletak tempat kenderaan yang kena disediakan hendaklah dihantarkan bersama-sama dengan pelan-pelan bangunan. Pelan tataletak tersebut hendaklah mengikut syarat-syarat minima yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.
- (3) Jika Majlis berpuas hati bahawa pemunya-pemunya bangunan yang dicadang itu tidak boleh menyediakan satu kawasan untuk tapak letak kenderaan menurut ukuran-ukuran yang ditetapkan dalam Jadual tersebut, Majlis boleh menurut budi bicaranya, membenarkan pelan-pelan tersebut dengan syarat bahawa pemunya-pemunya bangunan yang dicadang bina itu membayar kepada Majlis sejumlah wang ganti sebelum siap bangunan itu. Jumlah wang ganti itu hendaklah sama banyak dengan wang yang diperolehi secara dikira jumlah harta kawasan tempat letak kenderaan yang sepatutnya disediakan menurut Undang-undang Kecil ini atau secara penilaian atas kaki persegi yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah Daerah, Kedah. Majlis boleh dengan wang-wang itu menyediakan dari masa ke semasa, kawasan-kawasan tempat letak kenderaan tepi jalan yang dimiliki dan diselenggarakan oleh Majlis.
- (4) Jika pemunya-pemunya bangunan yang dicadang bina itu telah membayar wang ganti menurut perenggan di atas, mereka tidaklah boleh menuntut penempahan tempat-tempat letak kenderaan percuma di kawasan-kawasan letak kenderaan awam di tepi-tepi jalan yang disediakan oleh Majlis itu.
- (5) Apabila suatu tempat letak kenderaan telah disediakan menurut Undang-undang Kecil ini, mana-mana orang tidak boleh, tanpa dapat kebenaran Majlis:
- (a) membuat apa saja yang merintang atau mengurangkan tapak tempat letak kenderaan atau menjadikannya atau mana-mana bahagiannya tidak boleh digunakan untuk meletak kenderaan; atau
  - (b) mengubah mana-mana tempat letak kenderaan tersebut kepada kegunaan-kegunaan lain atau meminda atau membinanya semula supaya mana-mana bahagian darinya tidak boleh digunakan untuk meletak kenderaan; atau
  - (c) jika tempat letak kenderaan itu di perkarangan bangunan atau tanah lapang yang diuntukkan berhampiran dengan bangunan, membuat binaan di atasnya;

Kecuali tapak ganti atau kemudahan-kemudahan yang baik untuk meletak kenderaan dapat disediakan.

(5) (i) Jika dipohon oleh pemunya bangunan Majlis bolehlah, menurut budi bicaranya, mengecualikan pemakaian peruntukan-peruntukan yang tersebut di atas jika bangunan yang akan dibina, dibina semula atau diubahsuai kegunaannya termasuk dalam mana-mana satu kategori di bawah—

- (a) Jumlah petak tempat letak kenderaan yang dikehendaki untuk bangunan tersebut adalah kurang dari satu; atau
- (b) Jumlah keluasan semua lantai bangunan tersebut adalah 1,000 kaki persegi atau kurang; atau
- (c) Pengubahsuaian penggunaan adalah hanya berkenaan dengan rumah kedai dua tingkat sahaja, sama ada di tingkat satu atau kedua-duanya; atau
- (d) Pengubahsuaian penggunaan adalah hanya berkenaan dengan dua rumah kedai berpautan dengan syarat keluasan maksima lantai yang dipinta untuk diubahsuai tidak melebihi setengah daripada jumlah kawasan lantai bawah kedua-dua rumah kedai berpaut itu.

(ii) Bangunan atau bangunan-bangunan yang dibina atau dibina semula oleh Kerajaan, badan-badan kerajaan atau badan-badan berkanun boleh dikecualikan oleh Pihak Berkuasa Negeri daripada dikenakan Undang-undang Kecil ini.

4. Tertakluk kepada maksud peruntukan Undang-undang Kecil ini, Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahu undangan dalam *Warta Kerajaan*, menyatakan dari masa ke semasa akan mana-mana kawasan yang terkena oleh Undang-undang Kecil ini.

#### JADUAL PERTAMA

Ruang Pertama (Tujuan)	Ruang Kedua (Keperluan Tempat Letak Kenderaan)
I. Pawagam dan Panggung.	<p>(i) Bolch mengisi 1,000 tempat duduk dan kurang:</p> <p>1 petak tempat letak kenderaan bagi tiap-tiap 10 tempat duduk atau sebahagian darinya dan 20 kaki persegi untuk motosikal dan basikal bagi tiaptiap 15 tempat duduk.</p>

Ruang Pertama  
(Tujuan)

Ruang Kedua  
(Keperluan Tempat Letak Kenderaan)

- (ii) Tempat duduk tambahan melebihi 1,000:
- 1 petak tempat letak kenderaan bagi tiap-tiap 10 tempat duduk dan 20 kaki persegi untuk motosikal-motosikal dan basikal-basikal bagi tiap-tiap 10 tempat duduk.
2. Dewan dan Dewan-dewan Perhimpunan (termasuk dewan-dewan sekolah, dewan-dewan perhimpunan Kelab-kelab, Bangunan-bangunan persatuan dan sebagainya).
- (a) Dengan tempat duduk yang tidak boleh diubah:  
1 petak tempat letak kenderaan untuk kereta bagi tiap-tiap 20 tempat duduk atau sebahagian darinya.
- (b) Tanpa tempat duduk yang tidak boleh diubah:  
1 petak tempat letak kenderaan untuk kereta bagi tiap-tiap 200 kaki persegi kawasan lantai atau sebahagian darinya.
3. (i) Restoran, Bar, Kafe, Bilik-bilik Makan, Dewan Tarimenari, Kelab-kelab Malam, Rumah-rumah Kopi dan Kedai-kedai Kopi yang bukan sebahagian dari Kelab Malam.
- (a) Bagi bangunan yang mempunyai keluasan lantai 1,000 kaki persegi atau kurang. Tempat letak kenderaan tidak perlu.
- (b) Bagi bangunan yang mempunyai keluasan lantai lebih dari 100 kaki persegi:  
1 petak tempat letak kenderaan bagi tiap-tiap penambahan 100 kaki persegi kawasan lantai (atau sebahagian darinya) (Kawasan minima yang kena disediakan = 1 petak tempat letak kenderaan untuk kereta).

Ruang Pertama  
(Tujuan)

Ruang Kedua  
(Keperluan Tempat Letak Kenderaan)

CATATAN:

Jumlah kawasan lantai adalah kawasan purata lantai sesebuah bangunan yang digunakan bagi maksud ini. Dalam kes rumah kedai yang sebahagiannya digunakan bagi maksud ini dan sebahagian yang lain untuk tempat tinggal, tempat letak kenderaan yang dikehendaki akan dikira mengikut perkara (9).

- (ii) Restoran, Bar, Kafe, Bilik-bilik Makan, Dewan Kelab Malam, dan Rumah-rumah Kopi yang menjadi sebahagian hotel atau kelab disediakan bilik-bilik tumpangan.

- (a) Bagi bangunan-bangunan yang mempunyai jumlah keluasan lantai 600 kaki persegi atau Kurang: 2 petak tempat letak kenderaan untuk kereta-kereta dikehendaki.

- (b) Bagi bangunan yang mempunyai jumlah keluasan lebih dari 600 kaki persegi:

2 petak tempat letak kenderaan dan 1 kawasan tempat letak kenderaan untuk kereta-kereta bagi tiap-tiap penambahan 200 kaki persegi kawasan lantai (atau sebahagian darinya) yang melebihi 600 kaki persegi.

CATATAN:

Jumlah keluasan lantai adalah kawasan purata lantai disemua tingkat bangunan yang digunakan bagi maksud ini. Keluasan-keluasan yang digunakan bagi maksud-maksud lain di dalam bangunan yang sama akan dikira berasingan.

4. Bangunan-bangunan Hiburan Awam, Stadium-stadium Sukan, Pentas-pentas Khas bagi Padang-padang Sukan, Kolam-kolam Renang dan Lumba Motor dan Lumba Kuda

1 petak tempat letak kenderaan untuk kereta-kereta bagi tiap-tiap 20 tempat duduk atau sebahagian darinya.

- | Ruang Pertama<br>(Tujuan)   | Ruang Kedua<br>(Keperluan Tempat Letak Kenderaan)  |
|---|--|
| 5. Tempat Main Bowling  | 2 petak tempat letak kenderaan untuk kereta-kereta bagi tiap-tiap "Lorong Bowling".  |
| 6. Rumah-rumah Pangsa tidak termasuk rumah pangsa kerajaan separuh kerajaan dan badan-badan berkanun. | 1 petak tempat letak kenderaan untuk kereta-kereta bagi tiap-tiap unit tempat tinggal.   |
| 7. Hotel-hotel, rumah-rumah tumpangan dan asrama-asrama   | (a) 1 petak tempat letak kenderaan untuk kereta-kereta bagi tiap-tiap 3 bilik atau sebahagian darinya bagi 20 bilik pertama;     |
|   | (b) 1 petak tempat letak kenderaan untuk kereta-kereta bagi tiap-tiap 4 bilik atau sebahagian darinya bagi 60 bilik berikutnya;  |
|   | (c) 1 petak tempat letak kenderaan untuk kereta-kereta bagi tiap-tiap 6 bilik atau sebahagian darinya bagi 100 bilik berikutnya; |
|   | (d) 1 petak tempat letak kenderaan bagi tiap-tiap 8 bilik atau sebahagian darinya bagi bilik-bilik yang lainnya;                 |

## CATATAN:

- (i) Sebagai penambahan, 1 tapak tempat letak kenderaan untuk kereta hendaklah disediakan bagi tiap-tiap 1,000 kaki persegi kawasan rehat atau aked membeli-belah di dalam hotel.
- (ii) Bagi bilik-bilik Makan, Restoran-restoran, Bar-bar, Kelab-kelab Malam dan lain-lain lihat (3).

Ruang Pertama (Tujuan)	Ruang Kedua (Keperluan Tempat Letak Kenderaan)
8. Kelab-kelab Persendirian, Persatuan-persatuan, Bangunan-bangunan Kongsi dan bangunan-bangunan jenis yang sama.	<p>(a) Jika dewan atau dewan perhimpunan disediakan seperti untuk (2) di atas;</p> <p>(b) Jika bilik-bilik tumpangan disediakan seperti untuk (7) di atas;</p> <p>(c) Jika restoran-restoran, bar-bar, bilik-bilik jamuan dan lain-lain disediakan seperti untuk (3) (ii) di atas;</p> <p>(d) Jika kemudahan-kemudahan hiburan atau sukan disediakan seperti untuk (4) dan (5) di atas.</p>
9. Bangunan-bangunan perdagangan dan perniagaan; pejabat-pejabat; bangunan-bangunan bank, kedai-kedai dan rumah-rumah kedai, bilik-bilik per-tunjukan.	<p>(a) Jumlah keluasan lantai 1,000 kaki persegi atau kurang: Tempat letak kenderaan untuk kereta-kereta tidak diperlukan.</p> <p>(b) Jumlah keluasan lantai dari 1,000 kaki persegi kepada 20,000 kaki persegi:</p> <p>1 petak tempat letak kenderaan untuk kereta-kereta bagi tiap-tiap 1,000 kaki persegi keluasan lantai atau sebahagian darinya (Tapak kawasan minima yang boleh disediakan bagi bangunan yang mempunyai jumlah keluasan lantai lebih dari 1,000 kaki persegi ialah 1 petak tempat letak kenderaan untuk kereta).</p> <p>(c) Jumlah keluasan yang lebih dari 20,000 kaki persegi:</p> <p>10 petak tempat letak kenderaan dan satu kawasan letak kenderaan untuk kereta-kereta bagi tiap-tiap 750 kaki persegi atau sebahagian darinya.</p>

Ruang Pertama  
(Tujuan)

Ruang Kedua  
(Keperluan Tempat Letak Kenderaan)

## CATATAN:

Jumlah keluasan kawasan lantai ialah kawasan lantai disemua tingkat bangunan, tidak termasuk tangga, dapur, bilik air dan tandas dan tempat-tempat lapang.

## JADUAL KEDUA

1. Tinggi bumbung kawasan tempat letak kenderaan = 8' paling kurang.
2. Keluasan lerengan atau keluasan jalan (tanpa petak-petak tempat letak kenderaan di kedua-dua belah):

(a) jalan masuk sehala = 10';

(b) lerengan sehala = 12';

(c) lerengan dan jalan masuk dua hala = 16' (jika bangunan dibina sekurang-kurangnya 20' daripada tepian jalan) = 18' (jika bangunan bersempadankan jalan).

3. Curam lerengan:

(a) lerengan pendek = 1:7

(b) lerengan panjang (tingkat ke tingkat) = 1:10

(c) lerengan tempat letak kenderaan = 1:20

(d) curam maksima lerengan bulatan—

Lerengan	Tepian Dalam		Tepian Luar	
Sehala	...	...	1:7	1:11
Dua hala	...	...	1:7	1:11
(a) (Lorong dalam)	...	...	1:11	1:15
(b) (Lorong luar)	...	...	...	...

Curam adalah setengah bagi 11 kaki apabila sampai tiap-tiap tingkat.

4. Kelok Lerengan:

(a) lerengan sehala—

(i) jejari dalam paling kurang 20 kaki

(ii) jejari luar paling kurang 33 kaki

(b) lerengan dua hala—

(i) jejari dalam 20 kaki minima

(ii) jejari luar 44 kaki minima

5. Jarak dataran dari lerengan ke tepian jalan = 20' minima.
6. Jarak dari hujung lerengan ke tempat letak kenderaan atau dinding-dinding:
  - (a) lerengan sehalu = 22'
  - (b) lerengan dua hala = 28'
7. Garisan-garisan jelas untuk panduan keluar—dinding-dinding atau lain-lain halangan yang tinggi dari 2 kaki dari paras bawah tidak boleh dibenarkan bagi jarak 20 kaki dari hujung bahagian paras garis jelas untuk panduan keluar.
8. Ukuran minima untuk tempat-tempat letak kenderaan—Lihat Jadual Kedua.
9. Bulatan pusingan (hendaklah disediakan jika jalan keluar/masuk dan lerengan-lerengan tidak diadakan di hujung tempat-tempat letak kenderaan = 35 kaki garis pusat (minima).
10. Lif untuk kenderaan:
  - (a) Ukuran = 18 kaki x 0 x 90 minima.
  - (b) Kelajuan = 40 kaki seminit.
  - (c) Lain-lain syarat—
    - (i) menurut semua kehendak-kehendak/syarat-syarat Jabatan Kejenteraan dan Jabatan Letrik
    - (ii) tempat menunggu seluas 10% daripada jumlah keluasan tempat letak kenderaan yang akan disediakan di luar jalan bagi tempat-tempat letak kenderaan yang menggunakan lif-lif.
11. Had muatan lantai-lantai tempat-tempat letak kenderaan hendaklah menurut British Standard Code of Practice C.P. 3 yang terakhir.

Diperbuat 27 Julai 1989.

HAI ABDUL MUKTHI BIN ABDULLAH,  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Daerah Kulim*

Diluluskan 27 Ogos 1996.  
[PSU(K) 373/1376.]

HAI SULAIMAN BIN HAI DAUD,  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,*  
*Kedah Darul Aman*

K. P.U. 27.

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974  
(Act 133)

BUILDING (VEHICLE PARKING FACILITIES FOR CINEMAS,  
THEATRES AND OTHER BIG BUILDINGS)  
(KULIM DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS, 1989

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-Laws

1. Citation, application and commencement.
2. Interpretation.
3. (1) Vehicle parking space to be provided;  
Alternative sites for vehicle parking space;  
Parking space of motor cycles and/or bicycles.  
(2) (b) Layout plan of vehicle parking space;  
(3) No prior claim for the reservation of free parking spaces;  
(4) Vehicle parking space not to be constructed, reduced,  
converted or built over.  
(5) (i) Waiver for private buildings;  
(ii) Waiver for Government, government bodies of statutory  
government bodies' buildings.
4. Areas to be gazetted.

FIRST SCHEDULE.

SECOND SCHEDULE.